

23 FEB 1997

Rakan Muda

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN HARAP 2.5 JUTA BELIA SERTAI RAKAN MUDA

SHAH ALAM, 24 Feb (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan berharap untuk menarik 2.5 juta remaja bagi menyertai program Rakan Muda tahun ini, kata Setiausaha Parlimen kementerian itu, Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Beliau berkata sungguhpun kementerian menghadapi masalah kekurangan kakitangan untuk melaksanakan program berkenaan, ia akan bekerjasama dengan persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan untuk mencapai matlamat itu.

"Kami mahu menggandakan bilangan 1.2 juta peserta yang menyertai program itu pada tahun lepas," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan Cabaran Ketahanan Telekom Malaysia Everest '97 di sini hari ini.

Dua puluh enam peserta mengambil bahagian dalam acara itu yang memerlukan peserta memanjat tembok setinggi enam meter dalam tempoh enam minit.

Suhaimi Mohamddin yang muncul sebagai juara menerima hadiah tiket penerbangan pergi balik ke Kathmandu, Nepal dan wang tunai RM1,000. Hadiah kedua wang tunai RM500 dimenangi Sharifuddin Ali manakala tempat ketiga yang menawarkan hadiah wang tunai RM300 dimenangi Ang Swee Soon.

Shahrizat turut melancarkan kempen memungut derma untuk Projek Everest '97 yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata sungguhpun program Rakan Muda menjadikan golongan remaja berusia antara 18 hingga 25 tahun sebagai sasarannya, kementerian itu turut membuka penyertaan kepada pelajar sekolah jika mereka berminat.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Telekom Malaysia, Dr Abdul Rahim Daud berkata acara itu diadakan untuk memberi peluang kepada orang ramai memahami cabaran yang dihadapi ekspedisi Everest '97 itu nanti.

Beliau berkata di samping berjanji untuk menyumbangkan RM2 juta kepada projek itu, Telekom Malaysia akan turut menyediakan peralatan komunikasi yang diperlukan oleh pendaki terbabit selain daripada siaran langsung peristiwa bersejarah itu dari puncak Gunung Everest oleh RTM.

-- BERNAMA

KM MZ AHH